KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	21.03.22	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JPSM			

Sultan Kedah titah kawal, jaga hutan

Gangguan secara keterlaluan terhadap alam semula jadi mengakibatkan pelbagai bencana

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID

ALOR SETAR

Sultan Kedah, Sultan Sallehuddin Sultan Badlishah menyeru agar kerajaan negeri dapat mengawal dan mengekalkan kawasan hutan menerusi amalan pengurusan hutan secara berkekalan.

Baginda bertitah, gangguan manusia secara keterlaluan terhadap sifat-sifat semula jadi alam serta aktiviti manusia yang mengeksploitasikan sumber alam untuk kepentingan perniagaan secara rakus mengakibatkan dunia pada hari ini menghadapi pelbagai bencana.

Sultan Sallehuddin bertitah, perlindungan dan kelestarian alam sekitar mestilah diutamakan bagi menjaga ekosistem untuk pelbagai spesis flora dan fauna.

"Selain itu, kawasan yang berpotensi untuk diiktiraf sebagai Geopark hendaklah dikekalkan dan dipelihara.

"Inisiatif-inisiatif ini ada dijelaskan dalam Teras 6 kemampanan Alam Sekitar di bawah Pelan Pembangunan Kedah 2035," titah Sultan Sallehuddin sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah Tahun 2020 di Istana Anak Bukit, di sini, yang berlangsung secara dalam talian menerusi Facebook pada Ahad.

Tambah baginda, kerajaan negeri telah mengisytiharkan Jumaat sebagai Hari Kebersihan Negeri Kedah selaras dengan Pelancaran Agenda Nasional Malaysia Sihat yang bertujuan untuk membudayakan gaya hidup sihat dan kelestarian persekitaran bagi rakyat Malaysia amnya dan negeri Kedah khususnya.



SULTAN SALLEHUDDIN

SIDANG DUN KEDAH KE-14

"Susulan itu, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengambil inisiatif agar dapat menjadikan kebersihan sebagai satu budaya di kalangan masyarakat," titah Sultan Sallehuddin.

Sultan Sallehuddin juga menasihatkan kepada semua pihak supaya mengamalkan demokrasi bermusyawarah dalam mencari penyelesaian kepada apa jua permasalahan.

Baginda turut mengingatkan rakyat supaya tidak leka kerana kemunculan varian baharu Omicron yang lebih mudah merebak.

Sultan Sallehuddin turut berharap agar kerajaan negeri dapat memberi keutamaan kepada pemulihan industri pelancongan yang terkesan akibat Covid-19.

"Penutupan pintu sempadan dan sekatan perjalanan telah memberi impak yang ketara dalam sektor ini.

"Kedatangan pelancong ke negeri Kedah pada tahun 2021 telah menunjukkan penurunan sebanyak 71.5 peratus berbanding tahun 2020," titah baginda.



Sultan Sallehuddin bertitah kelestarian alam mesti diutamakan bagi memelihara ekosistem flora dan fauna.